

B621:  
MAHATHIR-KENYATAAN  
(1)

1981

BANGKOK, 24 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI MALAYSIA DAN NEGERI THAI HARI INI BERSETUJU SUPAYA KERJASAMA YANG BAIK ANTARA KEDUA-DUA NEGARA DALAM BERBAGAI-BAGAI BIDANG, TERUTAMA MENGENAI KESELAMATAN DI SEMPADAN BERSAMA, DIPERKUKUH DAN DIMAJUKAN TERUS. KENYATAAN BERSAMA YANG DIKELUARKAN DI SINI HARI TERAKHIR LAWATAN DUA HARI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENAMBAH BAHAWA MEREKA JUGA MENYETUJUI PERLUNYA MENGUKUH KETAHANAN KEBANGSAAN MASING-MASING UNTUK MENGHADAPI CABARAN POLITIK YANG MENGHADAPI KEDUA DUA NEGARA DAN RANTAI-INYA SELURUHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN JEN. PREM TINSULANONDA TELAH BERTUKAR-TUKAR PANDANGAN MELUAS MENGENAI KEMAJUAN DI RANTAU INI DAN MELAKSANAKAN KEUPAYAHAN MENGENAI KEUPAYAHAN ASEAN UNTUK MENGGALAKKAN KEJASAMA SERANTAU.

MENGENAI MASALAH KAMPUCHEA, MEREKA MELAKSANAKAN KEKHUATIRAN TENTANG KELEWATAN MENYELESAIKANNYA WALAUPUN MEREKA SUKACITA ATAS SOKONGAN MASYARAKAT DUNIA SEPERTI YANG DITUNJUKKAN DIPERSIDANGAN ANTARABANGSA MENGENAI KAMPUCHEA BARU-BARU INI.

MEREKA MENGGESA SEMUA PIHAK DALAM PERTIKAIAN ITU SUPAYA MEMBERIKAN SOKONGAN SEPENUHNYA KEPADA JAWATANKUASA SEMENTARA YANG DITUBUHKAN OLEH PERISIDANGAN ITU YANG MANA MALAYSIA DAN THAILAND MENJADI ANGGOTANYA. -- BERSAMBUNG 1857/18

B625  
MAHATHIR - KENYATAAN 2 BANGKOK

KEDUA-DUA PERDANA MENTERI MENEKANKAN PENTINGNYA BAGI SEMUA TENTERA ASING DIUNDURKAN BARI KAMPUCHEA DAN BAGI RAKYAT KAMPUCHEA MENENTUKAN MASA DEPAN MEREKA SENDIRI YANG DIJAMIN OLEH SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT.

KENYATAAN ITU BERKATA KEDUA-DUANYA YAKIN BAHAWA SATU PENYELESAIAN POLITIK DALAM MASALAH KAMPUCHEA ADALAH PENTING BAGI MENJAYAKAN CADANGAN ASEAN UNTUK MEWUJUDKAN RANTAU AMAN, BEDAS DAN BERKECUALI DI ASIA TENGGARA.

MEREKA JUGA KHUATIR TENTANG PENDUDUKAN TENTERA RUSSIAN YANG BERTERUSAN DI AFGHANISTAN DAN BERSETUJU BAHAWA UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH INI TERLETAK KEPADA PENYELESAIAN POLITIK YANG BOLEH DITERIMA OLEH SEMUA PIHAK BERKENAAN.

DATUK SERI 3 DR. MAHATHIR TELAH MENGUNDANG JEN. PREM UNTUK MELAWAT MALAYSIA, UNDANGAN ITU TELAH DITERIMAKAN ATURCARA LAWATAN ITU AKAN DISUSUN KEMUDIAN. -- BERNAMA 1915/1K